

Agong ada kuasa ambil tanah, sumber

Kuala Lumpur: Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang dikurniakan kuasa berhubung pengambilan milikan tanah dan penggunaan sumber.

Berdasarkan dokumen ordinan berkenaan yang disiarkan di laman web rasmi Pejabat Peguam Negara, ia menyebut kuasa berkenaan melangkaui sebarang sekatan dikenakan terhadap tanah terbabit, yang mungkin disebabkan faktor undang-undang bertulis atau surat cara lain.

"Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi melarang atau

mengehadkan penggunaan hak lalu lalang ke atas tanah atau bangunan itu dan hak lain yang berhubungan dengannya juga boleh dibuat.

"Apa-apa maklumat dalam milikannya, berhubungan dengan tanah, bangunan atau harta alih itu, juga wajar diberikan pemilik atau penghuni kepada Yang di-Pertuan Agong atau orang yang diberi kuasa," menurut dokumen ordinan berkenaan.

Sepanjang darurat berkuat kuasa, ordinan mengandungi 18 seksyen itu juga memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong atau pihak dikurniakan

kuasa untuk meminta sebarang sumber, bagi kegunaan apa-apa maksud yang difikirkan perlu.

"Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan penggunaan, pengurusan dan kawalan sumber kepada orang yang sumbernya diminta.

"Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan pengenaan apa-apa fi atau caj yang boleh dikenakan oleh orang yang sumbernya diminta di bawah Subseksyen (2).

"Bagi maksud seksyen ini,

'sumber' termasuk sumber manusia, kemudahan, utiliti dan aset, dan pengawal atau pengurus sumber manusia, kemudahan, utiliti dan aset itu," mengikut warta berkenaan.

Turut diperincikan ialah aspek pampasan tanah, bangunan atau harta alih, menerusi pentaksiran yang dijalankan orang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong.

Taksiran pampasan itu bagaimanapun muktamad dan tidak terbuka kepada sebarang pertikaian, selain tidak boleh dicabar atau dipersoalkan di mana-mana mahkamah atas sebarang alasan.